

19 FEB 2003

Chong-Cuti/I

PM BELUM PUTUSKAN PERMOHONAN CUTI CHONG

KOTA KINABALU, 19 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum memutuskan permohonan Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat untuk bercuti pada Mac sebelum tempoh perkhidmatannya selama dua tahun berakhir pada 27 Mac.

Chong yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri berkata beliau mengemukakan permohonan kepada Dr Mahathir pada 6 Feb semasa menemui Perdana Menteri di Kuala Lumpur tetapi sehingga ini, Dr Mahathir belum membuat keputusan mengenainya.

"Hasrat saya (untuk itu) mudah iaitu meminta Perdana Menteri memutuskan pengganti saya... jika boleh, membuat keputusan muktamad supaya tidak berlaku jangkaan tidak perlu atau masalah melobi supaya kita dapat meneruskan kerja.

"Saya meminta Perdana Menteri jika saya boleh dibenarkan memberi pengganti saya sekurang-kurangnya memangku pada Mac kerana tempoh perkhidmatan rasmi saya tamat pada 27 Mac," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri di Wisma Innoprise, dekat sini hari ini.

Chong berkata: "Ini bermakna pengganti saya, seperti yang jelas dinyatakan oleh Perdana Menteri, akan memangku sehingga saya menyerahkan secara rasmi jawatan itu pada 27 Mac dan ideanya ialah kita bersetuju dan mematuhi".

Pada 11 Feb, Dr Mahathir berkata bahawa jawatan Ketua Menteri Sabah yang akan kosong bulan depan berikutan tamatnya tempoh perkhidmatan Chong, akan diisi oleh calon Umno, berdasarkan sistem penggiliran.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN menafikan dakwaan bahawa Chong yang juga presiden Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP), telah meminta tempoh perkhidmatan disambung.

Sistem penggiliran yang diperkenalkan pada 1994, memberi peluang kepada pemimpin Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam menjadi Ketua Menteri selama tempoh dua tahun.

Chong, pemimpin keenam parti komponen BN negeri yang menjawat jawatan itu menerusi sistem penggiliran, menggantikan Datuk Osu Sukam.

Tun Sakaran Dandai menjadi Ketua Menteri pertama, diikuti Datuk Salleh Tun Said, Datuk Yong Teck Lee dan Tan Sri Bernard Dompok.

Sistem itu bagaimanapun mengalami sedikit perubahan dua tahun lepas semasa Chong dilantik ke jawatan itu.

Menerusi format baru, pemimpin dari Umno akan mendapat dua penggal dalam setiap penggiliran berbanding masing-masing satu untuk Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Ditanya mengenai tempoh sebenar beliau ingin bercuti, Chong yang tidak memberikan butiran mengenainya berkata ia akan bermula "bila-bila masa Perdana Menteri meluluskannya".

"Jika Perdana Menteri tidak membuat keputusan, saya akan terus memimpin sehingga 27 Mac. Pada ketika itu, Perdana Menteri akan membuat keputusan.

"Jika Perdana Menteri bercuti, saya pasti Timbalan Perdana Menteri Datuk Abdullah Ahmad Badawi akan mengumumkan keputusan dan dalam sebarang keadaan, keputusan akan dibuat sebelum 27 Mac, kemungkinan besar pada akhir bulan ini atau Mac," katanya.

Ditanya mengenai kesediaan beliau untuk kekal dalam kabinet negeri: Chong berkata "Ya jika saya diperlukan tetapi sama ada saya berada dalam atau luar kabinet, saya akan terus berkhidmat untuk negeri.

"Yang penting ialah saya akan lakukan apa yang boleh saya buat",

katanya.

Ditanya mengenai perkara yang dibincangkannya dengan Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Haji Ukim dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Datuk Salleh Tun Said yang juga bekas ketua menteri pagi ini, Chong berkata ia membabitkan urusan kementerian masing-masing.

"Ia adalah perkara biasa untuk berbincang dengan menteri-menteri saya selepas mesyuarat kabinet negeri terutama jika ada isu yang perlu dikemukakan terus kepada saya.

Namun apabila ditanya jika ada agenda khusus, Chong sambil berseloroh berkata: "tidak ada apa-apa, saya temui Salleh bagi membincangkan masalah sampah dan program kebersihan di kawasan pihak berkuasa kerajaan tempatan," katanya.

-- BERNAMA

NT LAT